

Unit 1 Rangkaian Komputer

1.0 Mengenal Rangkaian Komputer

S.P. 1.1 Menerangkan konsep rangkaian

Tahap Penguasaan	Standard Prestasi
1	Menyatakan maksud, kegunaan dan medium rangkaian.

Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah dengan perkataan yang sesuai.

peranti

perkakasan

dua

berkomunikasi

Rangkaian komputer ialah sambungan 1 _____ atau lebih 2 _____ komputer yang secara fizikal terpisah tetapi secara operasinya bersambung. Rangkaian komputer digunakan untuk perkongsian 3 _____, perkongsian perisian, perkongsian serta pertukaran maklumat dan 4 _____.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang menunjukkan kegunaan rangkaian dan (X) pada pernyataan yang tidak menunjukkan kegunaan rangkaian.

5 Berkongsi fail

☐

10 Berkongsi maklumat

☐

6 Memindahkan fail

☐

11 Berkongsi kos

☐

7 Berkongsi perisian

☐

12 Mencari kenalan

☐

8 Melayari laman web

☐

13 Berkongsi peranti

☐

9 Berkongsi masa

☐

14 Berkomunikasi

☐
☐

Menguasai

☐

Belum Menguasai

Tandatangan Guru: _____ Tarikh: _____

Ulasan Guru: _____